

18/01/2002

Persidangan Isu, Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam 29 Januari

PERSIDANGAN Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam yang akan berlangsung tiga hari mulai 29 Januari ini di Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur, menampilkan ilmuwan terbilang dari rantau Nusantara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan persidangan itu dan ucap utama disampaikan Naib Presiden Indonesia, Hamzah Haz serta mantan Rektor Universiti Islam Antarabangsa, Tan Sri Muhammad Abdul Rauf.

Persidangan yang akan berlangsung dalam bahasa Melayu dan Inggeris itu akan membincangkan 17 kertas kerja termasuk Imperialisme; Globalisasi dan Dunia Islam; Akar Umbi Minda Muslim; Ketaasuban dan Penutupan Minda Umat Melayu Islam; Ideologi Politik dan Budaya: Penutupan Minda Umat Melayu Islam; Hubungan Politik dan Agama: Trauma Hidup Umat Melayu Islam; Sekularisme Islamisme: Kemunduran dan Kemajuan Umat serta Pengislaman Ilmu Berbanding Dengan Pembaratan Ilmu: Kesannya Terhadap Pembangunan Umat.

Turut dibentangkan ialah Kembali Kepada Islam Sebenarnya: Ulama, Intelektual Islam dan Fundamentalis; Jihad dan Ijtihad: Mendorong Penguasaan Umat Terhadap Ilmu; Polemik Negara Islam dan Pembudayaan Politik di Malaysia; Dari Revolusi Industri Ke Revolusi Maklumat: Umat Islam Sebagai Pendukung Atau Penumpang?; Tauhid Menentang Syirik: Pemahaman dan Amalan; Masyarakat Ilmu, Ekonomi Ilmu dan Masyarakat Islam; Pertubuhan Sukarela Islam: Harapan dan Cabaran Baru; Gerakan Dakwah: Satu Takrifan Semula Untuk Melahir Islam Yang Progresif; Pandangan Dunia Islam: Menentukan Penakatan Umat Melayu Islam Pada Abad Ke-21 dan Isu dan Masa Depan Peradaban Islam Di Asia Tenggara.

Antara mereka yang dijadualkan membentangkan kertas kerja ialah Prof Datuk Dr Mahmood Zuhdi Abd Majid, Prof Datuk Dr Syed Hussein Al-Attas, Prof Dr Nurholish Majid, Prof Dr Khadijah Salleh dan Dr Surin Pitsuwan.

Pengulas pada persidangan ini pula ialah Datuk Dr Abdul Halim Ismail, Datuk Dr Ismail Ibrahim, Dr Farish A Noor, Dr Shukor Husin, Dr Johari Mat dan Abdullah Tarmugi.

Jurucakap persidangan berkata, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selaku penganjur berharap persidangan itu dapat membuka minda umat Islam terhadap semua bentuk ilmu pengetahuan.

"Diharapkan dengan kesedaran ini, mereka akan lebih terdorong untuk mara ke depan untuk menjadi warga dunia yang progresif dan dinamik serta berusaha mencipta ilmu," katanya.

Jurucakap itu berkata, meskipun penduduk Islam berjumlah 230 juta di Asing Tenggara tetapi keupayaan mereka dalam bidang sains dan teknologi, ekonomi dan ilmu tidak kelihatan sehingga kini.

"Salah satu sebab perkara ini berlaku kerana penutupan pintu ilmu oleh ulama pada abad ke-10 dengan kepercayaan kemungkinan semua masalah manusia sudah terjawab, sehingga kemajuan kesarjanaan dan keintelektualan Islam yang dibina sejak abad ke-7 mengalami pembekuan," katanya.

Walaupun pintu ijtihad dibuka semula pada abad ke-19 dan beberapa negara Islam mula muncul dengan istilah pemodenan, nasionalisme, dasar awam sekular, katanya, umat Islam tetap ketinggalan berbanding Barat.

"Dalam menghadapi keadaan sedemikian dan sesuai dengan kebangkitan Islam, DBP percaya umat Melayu Islam perlu sentiasa diseru agar kembali kepada Islam sebenarnya," katanya.

Maklumat lanjut mengenai persidangan ini boleh diperoleh dengan menelefon 03-21481011 sambungan 207/209 atau 03-21413938 atau e-mel kepada

zulkif@dbp.gov.my manakala borang penyertaan disediakan di laman web
www.dbp.gov.my.

(END)